

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN DI MAJLIS SAMBUTAN SISWA SISWI KUKUM SIDANG AKADEMIK 2005/2006 BERTEMPAT DI DEWAN WARISAN, KANGAR PADA 6 JULAI 2005.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI RUSLI BIN ABD HAMID, PENDAFTAR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM,

YANG BERUSAHA PUAN HAJJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN, KETUA PUSTAKAWAN KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WARGA KERJA KUKUM,

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2004/2005

PEMBANTU-PEMBANTU PELAJAR MINGGU SUAIKENAL,

DAN PARA PELAJAR BARU KUKUM SIDANG AKADEMIK 2005/2006 SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA SERTA REZEKI YANG DICURAHKAN SERTA BERKAT KASIH DAN SAYANG-NYA MENGIZINKAN KITA SEMUA UNTUK BERKUMPUL PADA PAGI YANG CUKUP NOSTALGIK DI DALAM MAJLIS SAMBUTAN SISWA-SISWI BARU KUKUM BAGI SIDANG AKADEMIK 2005/2006 INI.

MAJLIS PADA PAGI INI DENGAN SECARA RASMINYA JUGA AKAN MENYAKSIKAN MAJLIS IKRAR PELAJAR DAN AKUJANJI PELAJAR-PELAJAR BARU INI BAGI MENGESAHKAN STATUS MEREKA SEBAGAI MAHASISWA-MAHASISWI KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA.

TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA PARA PELAJAR BARU SIDANG AKADEMIK 2005/2006 KERANA TELAH BERJAYA MELANJUTKAN PELAJARAN KE MENARA GADING YANG MERUPAKAN CITA-CITA DAN DESTINASI IMPIAN BAGI SETIAP INDIVIDU MAHUPUN KELUARGA YANG TERSAYANG.

UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH JUGA DIPANJANGKAN KEPADA SELURUH KERABAT KERJA MAJLIS SAMBUTAN SISWA-SISWI SIDANG AKADEMIK 2005/2006 YANG TELAH TERLIBAT SECARA LANGSUNG MAHUPUN TIDAK LANGSUNG DALAM MEMBUAT PERSEDIAAN BAGI MENYAMBUT KEDATANGAN PELAJAR-PELAJAR BARU INI. USAHA, DEDIKASI DAN PENGORBANAN ANDA SEMUA MENCURAH KERINGAT DAN TENAGA YANG TIDAK PERNAH MENGENAL ERTI PUTUS ASA AMAT DISANJUNGI.

TERUSKAN LAH USAHA MURNI TERSEBUT AGAR MISI DAN VISI KITA UNTUK MEMARTABATKAN NAMA UNIVERSITI DAN MENGUKIR KEJAYAAN YANG GILANG-GEMILANG AKAN TERUS TERCAPAI. INSYALLAH, DENGAN BERKAT KERJASAMA DAN USAHA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA PASTI ALAH BISA TEGAL BIASA JADINYA.

PARA PELAJAR SEKALIAN,

KELANGSUNGAN HIDUP HARI INI, ESOK DAN DI MASA AKAN DATANG SECARA DRASTIK AKAN MERUBAH KEBIASAAN HIDUP ANDA. DARI SEORANG YANG BERGELAR PELAJAR DI SEKOLAH HARIAN ATAU DI KOLEJ MATRIKULASI ATAU POLITEKNIK KEPADA SEORANG YANG BERGELAR MAHASISWA DAN MAHASISWI DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM.

TRANSISI PERUBAHAN TERSEBUT AKAN MENJADI IDEOLOGI DAN BUDAYA BARU. HARI INI BUKAN LAGI MEMAKAI PAKAIAN SERAGAM LENGKAP DENGAN LENCANA KE SEKOLAH, HARI INI JUGA SUDAH TIDAK KEDENGARAN LAGI SAPAAN SANG GURU, USIKAN NAKAL RAKAN-RAKAN MALAH SUDAH TIDAK SEBUMBUNG LAGI DENGAN IBU DAN BAPA SERTA SAUDARA KANDUNG YANG LAIN.

SEGALA-GALANYA TELAH BERUBAH DI DALAM SEKELIP MATA. PASTI ADA DI ANTARA ANDA SEMUA YANG SEAKAN-AKAN TIDAK PERCAYA KEPADA DIRI SENDIRI. APAKAH BENAR SAYA SUDAH MASUK UNIVERSITI? APAKAH INI SATU REALITI? ADAKAH SUKAR BELAJAR DI UNIVERSITI? BERJAYA KAH SAYA NANTI? SERIBU SATU PERSOALAN AKAN MUNCUL DALAM HIDUP ANDA.

SEKALI BAH SEKALI PANTAI BERUBAH. BEGITU LAH TAKDIR TELAH MENENTUKAN BAHAWA PADA HARI INI ANDA BERGELAR MAHASISWA DAN MAHASISWI. TAKDIR JUGA TELAH MENENTUKAN ANDA AKAN BELAJAR DI KUKUM DI NEGERI PERLIS INDERA KAYANGAN INI UNTUK TEMPOH EMPAT TAHUN YANG AKAN DATANG.

PARA PELAJAR SEKALIAN,

CUBA BERTAFAKUR SEBENTAR DAN BERTANYA LAH KEPADA DIRI SENDIRI DENGAN SEPENUH KEIKHLASAN DAN KEJUJURAN. KENAPA ANDA HARUS BELAJAR DI UNIVERSITI? APAKAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB ANDA SEBAGAI MAHASISWA DAN MAHASISWI? APAKAH YANG ANDA MAHUKAN SETELAH BERGELAR MAHASISWA DAN MAHASISWI?

JAWAPAN KEPADA PERSOALAN TERSEBUT CUKUP MUDAH. TUGAS DAN TANGGUNG JAWAB ANDA SEMUA SEBAGAI MAHASISWA DAN MAHASISWI DI UNIVERSITI INI IALAH BELAJAR DENGAN PENUH GIGIH TANPA BERPUTUS HARAP DAN MENYERAH KALAH DAN MEMPEROLEHI KEJAYAAN YANG CEMERLANG BAGI MENERUSKAN KESINAMBUNGAN MARUAH DIRI, KELUARGA DAN HIDUP DI MASA AKAN DATANG.

ANDA HARUS SEDAR BAHAWA PERSAINGAN DI ANTARA SETIAP PELAJAR DEWASA INI UNTUK MEMASUKI PUSAT PENGAJIAN TINGGI AMAT SENGIT. ADA INDIVIDU YANG KURANG BERNASIB BAIK LANGSUNG TIDAK MENDAPAT TEMPAT WALAUPUN LULUS DENGAN CEMERLANG DI PERINGKAT SPM ATAU STPM.

ANDA HARUS BERASA SYUKUR KERANA TELAH DITERIMA MASUK KE UNIVERSITI INI. JUSTERU ITU TUGAS DAN TANGGUNG JAWAB ANDA TIDAK LAIN TIDAK BUKAN HANYA LAH MENUMPUKAN SEPENUH PERHATIAN KEPADA PELAJARAN. HARUS DIINGAT SISTEM PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI ADALAH JAUH BERBEZA SEPERTI MANA DI SEKOLAH HARIAN DULU.

DI UNIVERSITI, ANDA HARUS PUNYA INISIATIF SENDIRI UNTUK MENGULANG KAJI PELAJARAN. HARUS KENDIRI DALAM Mencari BAHAN

RUJUKAN DI PERPUSTAKAAN UNTUK BACAAN TAMBAHAN ATAU TUGASAN YANG DIBERIKAN OLEH PENSYARAH DAN HARUS BERDISPLIN TINGGI UNTUK MENGURUSKAN KEHIDUPAN HARIAN. TIADA LAGI BUDAYA ‘SPOON FEED’ OLEH GURU-GURU. TIADA LAGI IBU ATAU PEMBANTU RUMAH UNTUK MEMBASUH BAJU, JAUH SEKALI UNTUK MENYEDIAKAN MAKAN DAN MINUM ANDA.

RUNUT BUNYINYA SEAKAN-AKAN MENAKUTKAN TETAPI ITU LAH REALITI DAN HAKIKAT YANG ANDA HARUS PIKUL DAN TEMPOHI MULAI SAAT INI. JIKA DITANYA APAKAH RESIPI UNTUK BERJAYA MAKA JAWAPAN YANG PALING KONSTRUKTIF IALAH BIJAK MENGURUSKAN MASA DAN PUNYA DISPLIN DIRI YANG TINGGI. TIADA JALAN PINTAS UNTUK MELAKAR KEJAYAAN DALAM SEKELIP MATA.

UNTUK BERJAYA ANDA SEMUA HARUS MELALUI SAAT-SAAT YANG GETIR, MENGHARUNGI ONAK DAN RANJAU YANG PENUH BERLIKU TERLEBIH DAHULU SEBELUM SAMPAI KE DESTINASI. RENUNGAN SEJENAK KATA-KATA PUJANGGA INGERIS YANG BERBUNYI, “ROME IS NOT BUILT IN A DAY”. BEGITU LAH DIIBARATKAN DENGAN PERJALANAN HIDUP ANDA SEMUA SEBAGAI MAHASISWA DAN MAHASISWI.

JUSTERU ITU SAYA INGIN MENYIMPULKAN BEBERAPA NILAI DIRI YANG PERLU DIKUTI OLEH SETIAP PELAJAR-PELAJAR KUKUM. ANTARA LAIN:

1. BERSIKAP CINTA ILMU PENGETAHUAN
2. BERFIKIR DAN BIJAK MEMBUAT KEPUTUSAN BERASASKAN FAKTA
3. KEMAMPUAN UNTUK BERBINCANG DAN BERDEBAT
4. KEMAMPUAN BERKOMUNIKASI DENGAN BAIK
5. RAJIN MEMBACA DAN MENEROKAI SUMBER-SUMBER BARU ILMU SEBAGAI ASAS UNTUK MENEROKAI ILMU PENGETAHUAN, BUKAN SAHAJA BUKU TETAPI JUGA DUNIA SIBER

6. MELIHAT SESUATU ISU DENGAN PERASAAN TERBUKA, TIDAK MUDAH DIPENGARUHI ORANG LAIN ATAU MELIHATNYA SECARA EMOSIONAL
7. TIDAK MUDAH KALAH DENGAN HUJAH, TETAPI BUKAN BERMAKNA MENEGAKKAN BENANG YANG BASAH
8. BERANI MENEROKAI BIDANG-BIDANG BARU
9. SENTIASA BERSYUKUR DENGAN KEMUDAHAN YANG DIBERI TERMASUKLAH TAJAAN KEWANGAN
10. SANGGUP TERUS BELAJAR, BERSEMANGAT WAJAJA DALAM MENZAHIRKAN KECINTAAN KEPADA ILMU
11. MENGEKALKAN JATIDIRI SEBAGAI BANGSA MALAYSIA YANG SEJATI, BERMARUAH, BERBUDI PEKERTI DAN BERADAB SOPAN YANG SELARAS DENGAN KEMURNIAAN WARISAN BANGSA YANG ADA
12. BERSEMANGAT TINGGI, BERDAYA SAING DAN SAYANGKAN BANGSA DAN NEGARANYA DENGAN MELETAKKAN KEPENTINGAN NEGARA DAN INSTITUSI MENGATASI LAIN-LAINNYA
13. SENTIASA SUBUR DENGAN SEMANGAT UNTUK BERBAKTI KEPADA MASYARAKAT, MENJADI JAMBATAN KUKUH YANG MAMPU MENYEBARKAN ILMU KEPADA ANGGOTA MASYARAKAT, DI DESA MAHUPUN DI KOTA DENGAN TENTUNYA TERLEBIH DAHULU BERUSAHA MENJADI 'ROLE MODEL' MELALUI PEMBENTUKAN SAHSIAH DIRI DAN BUDI PEKERTI YANG TINGGI SERTA SEMANGAT CINTAKAN ILMU YANG MENDALAM

SELAIN DARIPADA ITU, ANDA SEMUA HARUS MEMATUHI SEGALA PERATURAN YANG TERDAPAT DI UNIVERSITI INI. PERATURAN YANG DIBUAT BUKAN BERTUJUAN UNTUK MENYEKAT KEBEBASAN DAN PRIVASI HIDUP ANDA. PERATURAN DIBUAT DAN DIBENTUK BAGI MENDISPLINKAN DIRI KITA SUPAYA SEGALA SISTEM DAPAT BERJALAN DENGAN EFISYEN TANPA MENYUKARKAN MANA-MANA PIHAK.

SAYA BERHARAP PARA PELAJAR BARU SEKALIAN DAPAT MENGGUNAKAN KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI UNIVERSITI INI DENGAN PENUH HEMAT DAN TANGGUNG JAWAB KHUSUSNYA YANG MELIBATKAN KEMUDAHAN DAN PRASARANA YANG TERDAPAT DI KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN. JANGAN BERSIKAP INDIVIDUALISTIK SEHINGGA MENAFIKAN HAK RAKAN-RAKAN YANG LAIN DAN MENYALAHGUNAKAN IA UNTUK KEPENTINGAN PERIBADI.

PIHAK UNIVERSITI TIDAK AKAN BERKOMPROMI DALAM PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN DISPLIN DIRI PARA PELAJAR. SETIAP PERILAKU ATAU PERBUATAN YANG SALAH DI SISI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN UNIVERSITI AKAN DIADILI DENGAN SETIMPALNYA.

SEBAGAI MAHASISWA DAN MAHASISWI KUKUM ANDA SEMUA HARUS MENJAGA NAMA BAIK DAN IMEJ UNIVERSITI. JANGAN BIARKAN KERANA NILA SETITIK, ROSAK SUSU SEBELANGGA. APABILA ANDA BERINTERAKSI DENGAN MASYARAKAT LUAR DI NEGERI PERLIS INI, PASTIKAN ANDA BERSIKAP SOPAN PANTUN DAN SENTIASA MENJAGA MARUAH DIRI.

JANGAN LIBATKAN DIRI DENGAN KEGIATAN-KEGIATAN DAN PERLAKUAN YANG TIDAK BERMORAL SEHINGGA BOLEH MENJEJASKAN NAMA BAIK DAN IMEJ UNIVERSITI. SEGALA PERILAKU DAN TINGKAH LAKU ANDA AKAN SENTIASA DI PANTAU OLEH PIHAK UNIVERSITI. TIDAK WUJUD ISTILAH 'PILIH KASIH' DALAM MEMBICARAKAN KESALAHAN YANG ANDA TELAH DAN AKAN LAKUKAN.

AMARAN AKAN DIKELUARKAN BAIK SECARA LISAN MAHUPUN TULISAN. PIHAK UNIVERSITI TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK MENGGANTUNG PENGAJIAN ANDA ANDAI KESALAHAN YANG DILAKUKAN TERSEBUT

AMAT SERIUS SEHINGGA BOLEH MENCALAR NAMA BAIK DAN IMEJ UNIVERSITI SEPERTI KEGIATAN PENYALAHGUNAAN DADAH, MENCURI, TERLIBAT DI DALAM KEGIATAN LUMBA HARAM DAN SEBAGAINYA

PARA PELAJAR SEKALIAN,

SAYA AMAT BERHARAP PARA PELAJAR BARU SEKALIAN DAPAT MENJALINKAN HUBUNGAN YANG ERAT DI ANTARA SETIAP KAUM DI UNIVERSITI INI. BIARPUN APA JUGA NAMA BANGSA, WARNA KULIT ATAU AGAMANYA, JIKA KITA TIDAK CUBA MENGENALI BUDAYA DAN ADAT RESAM MEREKA, MAKA SUDAH TENTU KITA AKAN BERSIKAP PESIMISTIK DAN PREJUDIS SAMPAI BILA-BILA.

DI SINI INGIN SAYA TEGASKAN, SIKAP PERKAUMAN HARUS DIHINDARI DAN DILUPUSKAN TERUS DALAM KAMUS HIDUP ANDA. SAYA MAHU SETIAP PELAJAR DI KUKUM HORMAT-MEGHORMATI DAN SALING TOLONG-MENOLONG ANTARA SATU SAMA LAIN. BERTEGUR SAPA DAN BERKENALAN LAH DI ANTARA SATU SAMA LAIN. JIKA TERLALU BERAT MENGUCAPKAN SELAMAT PAGI DAN SEBAGAINYA, CUKUPLAH JIKA SEKADAR MENGUKIR SENYUMAN TANDA KEMESRAAN.

SAYA JUGA MAHU SETIAP PELAJAR KUKUM MENGHORMATI SELURUH WARGA KERJA KUKUM BAIK PENSYARAH, PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL, PEGAWAI TADBIR, PEMBANTU TADBIR HINGGALAH KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN. JIKA ANDA TIDAK MENGHORMATI PARA PENSYARAH, MAKA TIDAK BERKAT ILMU YANG DIPELAJARI TERSEBUT.

ANDA JUGA JANGAN TERLALU BONGKAK DAN SOMBONG DENGAN PEKERJA-PEKERJA KUKUM YANG LAIN WALAUPUN MEREKA ITU SEKADAR PENGAWAL KESELAMATAN ATAU PEMBANTU AM RENDAH. HARUS DIINGAT MEREKA BEKERJA DI UNIVERSITI INI UNTUK ANDA. SAYA MAHU BUDAYA MENGHORMATI ORANG YANG LEBIH TUA DIJADIKAN SEBAGAI AMALAN HIDUP. MEREKA-MEREKA ITU IBARAT IBU, BAPA, PAKCIK, MAKCIK, ABANG ATAU KAKAK ANDA SENDIRI.

SEPERKARA LAGI SAYA INGIN SENTUH DI SINI IALAH TENTANG SOAL HIDUP BERMASYARAKAT, KEMPIMPINAN DAN KEHIDUPAN YANG SIHAT. SEBAGAI PELAJAR UNIVERSITI, ANDA SEMUA DIPANDANG TINGGI OLEH MASYARAKAT AWAM. SETIAP PANDANGAN DAN KATA-KATA ANDA AMAT BERPENGARUH DAN DIDENGARI UMUM.

JUSTERU ITU SAYA AMAT BERHARAP PARA PELAJAR SEMUA DAPAT BERGERAK AKTIF DI DALAM KEGIATAN KEMASYARAKATAN INI. UNIVERSITI ADALAH MEDAN TERAKHIR BUAT ANDA SEMUA UNTUK BELAJAR BERMASYARAKAT KERANA APABILA BERGRADUAN DAN MEMASUKI ALAM PEKERJAAN KELAK, ANDA AKAN DIHAMBAT KEKANGAN WAKTU DAN MASA.

KEGIATAN KEMASYARAKATAN INI JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MELATIH KOMUNIKASI PERSEORANGAN DAN KEMPIMPINAN ANDA. SAYA TIDAK MAHU MAHASISWA DAN MAHASISWI KUKUM HANYA MENJADI 'ULAT BUKU' SEMATA-MATA SEHINGGA LANGSUNG TIDAK MENGENALI RAKAN-RAKAN YANG LAIN ATAUPUN MASYARAKAT DI SEKELILINGNYA. ANDA SEMUA HARUS SEDAR SEBAGAI GOLONGAN CERDIK PANDAI, ANDA TIDAK BOLEH LARI DARIPADA TANGGUNG JAWAB SOSIAL.

SAYA JUGA MAHU MELIHAT ANDA SEMUA MELIBATKAN DIRI SECARA AKTIF DI DALAM KEGIATAN SUKAN KERANA OTAK YANG CERDIK SERTA PINTAR DATANGNYA DARI BADAN YANG SIHAT DAN CERGAS. GUNAKAN LAH SEMAKSIMA MUNGKIN PRASANA DAN KEMUDAHAN SUKAN YANG TERDAPAT DI UNIVERSITI INI. BAKAT SUKAN ANDA MUNGKIN BOLEH DIASUH DAN DIKETENGAHKAN HINGGA KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI SEPERTI MEWAKILI KUKUM KE KEJOHANAN MAJLIS SUKAN UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA (MASUM) ATAU MEWAKILI NEGARA KE KEJOHANAN SUKAN UNIVERSITI-UNIVERSITI ASEAN DAN DUNIA.

AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PARA PELAJAR BARU SEKALIAN KERANA TELAH BERJAYA MELANJUTKAN PELAJARAN KE UNIVERSITI INI. SAYA AMAT BERHARAP PARA PELAJAR BARU SIDANG AKADEMIK 2005/2006 INI DAPAT MENGGUNAKAN PELUANG SEBAIK DAN SEWAJAR MUNGKIN. DENGAN PENUH KEIKHLASAN, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT MAJU JAYA KEPADA ANDA SEMUA DAN SELAMAT MENEMPUH KEHIDUPAN BERGELAR MAHASISWA DAN MAHASISWI.

ANDAI ANDA MEMPUNYAI SEBARANG MASALAH BAIK DARI SEGI PERIBADI MAHUPUN PELAJARAN, JANGAN PENDAMKAN MASALAH TERSEBUT. KUKUM MEMPUNYAI KAUNSELOR YANG CUKUP TERLATIH DAN MEREKA-MEREKA INI SEDIA MENDENGAR SEGALA MASALAH ANDA SUPAYA SEGALA KEKUSUTAN YANG DIALAMI DAPAT DIATASI DENGAN SECEPAT MUNGKIN TANPA MENGANGGU PEMBELAJARAN ANDA. PIHAK PENTADBIRAN UNIVERSITI JUGA SENTIASA TELUS DAN SANGAT MENGALU-ALUKAN SEBARANG KOMEN DAN CADANGAN ANDA SEMUA DEMI KEBAIKAN BERSAMA.

UCAPAN TAHNIAH DAN SYABAS JUGA DIUCAPKAN KEPADA SEMUA WARGA KERJA DAN PEMBANTU-PEMBANTU MINGGU SUIAIKENAL DI ATAS

SEMANGAT KERJA BERPASUKAN YANG TINGGI SERTA USAHA GIGIH YANG  
TELAH DITUNJUKKAN DALAM MENJAYAKAN PROGRAM SAMBUTAN  
PELAJAR-PELAJAR BARU SIDANG AKADEMIK 2005/2006.

SAYA SUDAHI DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH  
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH TAALA WABARAKATUH.